

Karnival Tani SPL Sandakan Jumaat

UM 6.11.13 26

KOTA KINABALU 5 Nov. - Sekolah Pertanian Lestari (SPL) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal menganjurkan Karnival Tani SPL Sandakan selama tiga hari di pekarangan sekolah itu di Batu 10, Sungai Batang, Sandakan dekat sini bermula Jumaat ini.

Antara aktiviti yang akan diadakan ialah pameran pendidikan, pameran penyelidikan pertanian, pameran hasil tanaman dan ternakan daripada agensi kerajaan dan swasta.

Karnival yang mendapat kerjasama Majlis Perbandaran Sandakan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) itu turut disertai Universiti Putera Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah dan Lembaga Lada Malaysia.

“Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dijadual merasmikannya Sabtu ini. Penduduk di sekitar Sandakan dijemput hadir untuk memeriahkan karnival ini,” kata UMS dalam kenyataan di sini hari ini.